

BERITA HARIAN

DATE: 19/1/2010

**Isu kalimah:
Majlis Raja-Raja
akan bincang
resolusi NGO Islam**

KUALA LUMPUR: Pe-nyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Tan Sri Ibrahim Engku Ngah akan mengemukakan resolusi 12 perkara berhubung bantahan penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam yang dicapai dalam mesyuarat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, baru-baru ini dalam mesyuarat Pra Majlis Raja-Raja yang dijadualkan bersidang, 9 Februari ini.

Presiden Teras Pengupayaan Melayu (Teras), Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata resolusi itu yang dipersetujui bersama lebih 70 NGO Islam pada majlis Muzakarah Pakar - Isu Kalimah Allah 'Katakanlah Allah itu Yang Maha Esa' di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 13 Januari lalu.

"Engku Tan Sri (Ibrahim) berjanji untuk memanjangkan resolusi itu dalam mesyuarat Pra Majlis Raja-Raja dan jika diluluskan, ia akan dimasukkan sebagai antara agenda yang akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-220 pada 10 dan 11 Februari.

"Engku Tan Sri juga mempertimbangkan sekiranya wakil NGO Islam akan dipanggil pada mesyuarat Majlis Raja-Raja jika terdapat isu berbangkit mengenai resolusi itu dan kami bersedia untuk berbuat demikian bagi menyatakan pendirian," katanya ditemui selepas menyerahkan resolusi kepada Engku Ibrahim di pejabatnya di sini, semalam.

Hadir sama Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (Macma), Datuk Mustapha Ma dan setiausahanya, Ann Wang Seng serta Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Mohamad Raimi Ab Rahim.

Mohd Azmi berkata, pihaknyaberharap resolusi itu, termasuk meminta Majlis Raja-Raja menangani segera isu penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam bagi memelihara akidah umat Islam dan keharmonian beragama, akan dijadikan agenda pada persidangan berkenaan.